

Headline	Perketat lesen syarikat umrah		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	11 Jun 2013	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	197,952
Page No	21	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	307 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,068
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,203



Perketat lesen syarikat umrah

KUALA LUMPUR 10 Jun - Pemberian lesen kepada agensi pelancongan terutama yang menjalankan aktiviti umrah perlu diperketatkan bagi menangani gejala penipuan oleh agensi-agensi berkenaan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, perkara tersebut berikutan banyak kes menyaksikan jemaah terkandas di Tanah Suci setelah nama mereka tidak tersenarai dalam jadual penerbangan pulang.

"Agensi ini harus diambil tindakan sewajarnya agar keadaan ini tidak berulang secara berterusan. Jadi agensi yang mendapat lesen untuk beroperasi harus diperketatkan lagi peraturan kerana apabila setiap kali musim umrah, hal-hal ini sentiasa berulang," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Jamil Khir berkata demikian selepas merasmikan Karnival Sukan Majlis

Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Kasuma 2013 di Pusat Bowling, Wangsa Walk di sini hari ini.

Yang turut hadir ialah Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP, Zainal Abidin Jaffar.

Beliau mengulas tindakan sebuah agensi pelancongan yang didakwa menipu 35 jemaah umrah menyebabkan mereka terkandas di Jeddah, Arab Saudi semalam berikutan nama tiada dalam senarai penerbangan.

Mengulas lanjut, Jamil Khir berkata, bagi jemaah haji terdapat akta untuk pengurusan haji tetapi jika jemaah umrah dan sebagainya, kuasa terletak di bawah peruntukan agensi pelancongan.

Beliau menjelaskan, penipuan pekej umrah seperti itu berada di bawah tanggungan pihak agensi yang menganjurkan aktiviti tersebut memandangkan bukan tabung haji yang megeluarkan lesen mereka.



JAMIL Khir Baharom (depan) melontar bola boling sebagai gimik majlis perasmian Karnival Sukan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Kasuma 2013 di Pusat Bowling, Wangsa Walk, Kuala Lumpur, semalam. Turut kelihatan ialah **Zainal Abidin Jaffar (belakang, empat dari kanan)**. - UTUSAN/AZMAN ASMAYATIM